# KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
# TARIKH: 29 APRIL 2014 (SELASA)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1 | Gempa sederhana berlaku di Kepulauan Tanimbar, Indonesia | Bernama.com |
| 2 | Gempa bumi sederhana berlaku di kawasan Pulau Filipina | Bernama.com |
| 3 | Jawatankuasa harmonikan undang-undang siber ditubuh | Utusan Malaysia |
| 4 | Jawatankuasa ditubuh bagi harmonikan undang-undang berkaitan siber - Jailani | Bernama.com |
| 5 | Peniaga jual peranti tidak sah didenda RM15,000 | Kosmo |
| 6 | Peniaga jual peranti ceroboh talian internet didenda RM15,000 | Bernama.com |
| 7 | Tumpu latihan teknikal, vokasional | Berita Harian |
| 8 | Terengganu akan pilih tiga pelajar tahfiz untuk dijadikan perintis saintis islam negeri | Bernama.com |

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 29 APRIL 2014 (SELASA)

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# Gempa Sederhana Berlaku Di Kepulauan Tanimbar, Indonesia

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Gempa bumi berukuran 5.3 pada skala Richter berlaku di kepulauan Tanimbar, Indonesia pada pukul 12.23 tengah malam Ahad

Menurut **Jabatan Meteorologi Malaysia**, pusat gegaran ialah 464 kilometer dari tenggara Ambon dan 1,869 kilometer tenggara Semporna.

Ia tidak mendatangkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 29 APRIL 2014 (SELASA)

# Gempa Bumi Sederhana Berlaku Di Kawasan Pulau Filipina

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.2 pada sakala Richter berlaku di kawasan pulau-pulau di Filipina pada 8.43 pagi Isnin.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, pusat gegaran di 178km barat laut Laoag City, Filipina dan 1,465km timur laut Kudat, Sabah.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (SIDANG DEWAN NEGERI) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 29 APRIL 2014 (SELASA)

# Jawatankuasa harmonikan undang-undang siber ditubuh

KUALA LUMPUR 28 April - Persidangan Dewan Negara hari ini dimaklumkan bahawa satu jawatankuasa kerja ditubuhkan di bawah Jabatan Peguam Negara untuk meneliti pendekatan sesuai menangani isu berkaitan siber.

Jawatankuasa itu dianggotai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Cybersecurity Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi penguatkuasa berkaitan.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari berkata, mereka berperanan menilai dan menyusun semula beberapa akta termasuk Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi mengelakkan berlakunya pertindihan bidang kuasa serta memastikan keberkesanan tindakan.

"Dalam bahasa mudah, jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mengharmonikan undang-undang berkaitan siber," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan Senator Datuk Seri Mohd. Ali Rustam yang meminta kementerian itu menyatakan jumlah kes fitnah siber dalam laman media baharu yang telah diambil tindakan.

Menurut Jailani, penyusunan semula beberapa akta di bawah satu bumbung dilihat lebih berkesan dalam mengatasi 'lompang' dalam penguatkuasaan undang-undang berkaitan kesalahan siber.

"Mungkin ada kementerian atau agensi berkaitan mempertikaikan penubuhan jawatankuasa itu namun penyusunan semula beberapa akta dan meletakkannya di bawah satu bumbung adalah lebih baik dalam soal ini," katanya.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 29 APRIL 2014 (SELASA)

# Jawatankuasa Ditubuh Bagi Harmonikan Undang-undang Berkaitan Siber - Jailani

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Satu jawatankuasa kerja telah ditubuhkan di bawah Jabatan Peguam Negara bagi meneliti pendekatan sesuai, khusus bagi menangani isu berkaitan siber, persidangan Dewan Negara diberitahu Isnin.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Jailani Johari berkata disertai agensi penguatkuasaan berkaitan, jawatankuasa itu akan berperanan menilai dan menyusun semula beberapa akta bagi mengelak berlakunya pertindihan bidang kuasa yang menyukarkan sesuatu tindakan diambil terhadap penyalahgunaan Internet.

"Jawatankuasa ini akan menyemak semula semua akta sedia ada termasuk Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk memastikan keberkesanan undang-undang tersebut dalam menangani isu-isu dalam talian.

"... dalam bahasa mudah, jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mengharmonikan undang-undang berkaitan siber," katanya ketika menjawab pertanyaan Senator Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Mohd Ali ingin tahu jumlah kes fitnah siber, tindakan dan perancangan kementerian dalam menangani penularan kes sedemikian.

Selain Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), jawatankuasa itu turut disertai Cybersecurity Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan agensi lain berkaitan.

Jailani berkata walaupun mungkin ada kementerian atau agensi berkaitan mempertikai penubuhan jawatankuasa itu, namun beliau berpendapat penyusunan semula beberapa akta dan meletakkannya di bawah satu 'bumbung' adalah lebih baik, khasnya dalam mengatasi 'kelompongan' dalam penguatkuasaan undang-undang berkenaan.

Dalam pada itu, beliau berkata kerajaan memandang serius ancaman yang dilakukan pihak tertentu melalui medium Facebook, Twitter dan Youtube dan sehingga kini sebanyak 2,026 laman web telah disekat kerana didapati menyalahi pelbagai undang-undang berkaitan siber.

Jailani berkata sebanyak 2,850 aduan membabitkan penyalahgunaan Internet direkodkan sejak awal tahun lalu sehingga Mac lepas. Sebanyak 792 daripadanya adalah kes melibatkan penyalahgunaan media sosial.

"Walaupun jumlah ini kurang satu peratus daripada keseluruhan 19.2 juta pengguna Internet di negara ini, kerajaan tetap memandang serius dan mengambil berat ancaman yang dibawa media soial," katanya.

-- BERNAMA